

08 JAN 1998

DR MAHATHIR LANCAR GERAKAN PEMANTAPAN KEUTUHAN SISTEM PENTADBIRAN

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Gerakan Pemantapan Keutuhan dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia anjuran Badan Pencegah Rasuah (BPR) di ibu pejabat BPR di sini.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri, menyerahkan senaskah Akta Pencegahan Rasuah 1997 dan senaskah Arahan Perdana Menteri 1/98 kepada lapan wakil jentera kerajaan.

Mereka ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha sebagai mewakili anggota dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK), Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad selaku wakil menteri besar dan ketua menteri, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali selaku ketua seluruh perkhidmatan awam Malaysia, Datuk Samsudin Osman mewakili semua ketua setiausaha kementerian, Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor mewakili semua ketua perkhidmatan jabatan persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Datuk Hashim Meon mewakili setiausaha kerajaan negeri dan Ketua Pengarah Mampu Datuk Dr Mohammad Rais Abdul Karim serta Ketua Pengarah BPR Datuk Shafee Yahaya sebagai setiausaha bersama JKKMKPK.

Akta baru itu memberi kuasa yang lebih luas kepada BPR dalam usaha membanteras gejala rasuah yang kini menggunakan pelbagai taktik.

Majlis itu turut dihadiri oleh beberapa Menteri Kabinet. -- BERNAMA
ES RAZ WAT